

Kerajaan sedia lakukan apa saja: PM

BH 28 APR 2000

ALOR STAR, Khamis — Malaysia sedia berunding dengan kumpulan bersenjata yang menculik 21 orang, termasuk sembilan rakyat negara ini, di Pulau Sipadan, Ahad lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata, kerajaan bersedia melakukan apa saja, termasuk mengadakan rundingan untuk membebas-

kan tahanan berkenaan.

Kerajaan juga, katanya, bersedia menerima bantuan negara lain jika langkah itu mampu membantu menyelesaikan krisis berkenaan.

“Kalau kita boleh dapat bebaskan tahanan, kita akan buat apa saja. Kita tidak boleh tolak mana-mana cadangan,” katanya kepada pemberita di akhir lawatan sehari ke kawasan Parlimen Ku-

bang Pasu, hari ini.

Ditanya mengenai dasar Malaysia dalam menangani keganasan, Dr Mahathir berkata Malaysia pernah berunding bagi menyelesaikan penahanan tebusan oleh Tentera Merah Jepun (IRA) di Kuala Lumpur, suatu masa dahulu.

Mengenai kesediaan kerajaan memenuhi sebarang permintaan pegganas, terma-

suk membayar tebusan RM 10 juta yang dituntut oleh kumpulan itu seperti dilaporkan, Dr Mahathir berkata setakat ini perkara itu adalah spekulasi.

“Kita tak ada sedia apa. Itu cuma spekulasi orang,” katanya apabila ditanya sama ada kerajaan akan menyediakan wang itu jika laporan berkenaan benar.

Perdana Menteri juga ber-

kata, beliau tidak mengetahui perkembangan mengenai usaha Gabenor Wilayah Autonomi Mindanao Muslim, Nur Misuari dalam membantu menyelesaikan krisis berkenaan.

Mengenai operasi menyelamat, Dr Mahathir berkata, ia terpulang kepada kerajaan Filipina kerana kumpulan itu dikatakan bersembunyi di wilayah ne-

gara berkenaan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, pasukan keselamatan negara seperti polis dan tentera sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga.

Dr Mahathir berkata, pasukan menyelamat turut meronda sekitar perairan antarabangsa selain menjaga kawasan dalam negara.